

Kajian lanjut projek insinerator

KUALA LUMPUR 16 Jun - Kerajaan akan menjalankan kajian lanjut berhubung projek insinerator di Broga, Semenyih, sebelum membuat keputusan, sama ada akan meneruskan projek itu atau sebaliknya.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kajian itu meliputi kesesuaian, kos dan segala perkara yang diperlukan berkaitan projek tersebut.

"Kita (Kabinet) belum ada keputusan (muktamad) berhubung projek insinerator (di Broga itu)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Menara Dato Onn, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Menurutnya, keperluan insinerator memang ada sebagai satu kemudahan yang diperlukan, oleh rakyat.

Oleh kerana itu kita mesti membuat kajian pada waktu ini tentang beberapa perkara yang perlu seperti kemudahan yang hendak diadakan demi kepentingan rakyat.